

KITAB *TAFSĪR AL-RĀWĪ* - JUZU' 'AMMA: SATU ANALISIS

Oleh:

Muhd Najib Ab. Kadir
Mazlan Ibrahim

Abstract

Al-Quran is the source of knowledge for all Muslims. They should learn and understand thoroughly the content of al-Quran and its teachings. Addressing the issue, the writer will analyse some of the Malay ulama's (scholars) views regarding their interpretation Quranic verses. The discussion in this article focuses mainly on Yusuf Rawa's "The Tafsir al-Rāwī: Juzuk 'Amma" which has become the main reference for the majority of Muslim students in the understanding of the meaning of al-Quran. The writer divides the discussion into two aspects, namely, the background of the author and his method of writing.

PENDAHULUAN

Al-Qur'an adalah sumber hidayah yang mengandungi panduan hidup umat Islam. Al-Qur'an perlu dibaca, dipelajari dan difahami isi kandungannya supaya matlamatnya dapat dicapai serta mudah dilaksanakan. Berdasarkan kepada pentingnya pengajian tafsir dan fungsinya yang besar, menyebabkan ianya diberi perhatian yang tinggi oleh ulama'-ulama' Islam di seluruh dunia dan tidak terkecuali ulama' Islam di Tanah Melayu. Penulisan kitab-kitab tafsir di Malaysia telah lama dilakukan oleh ulama'-ulama', sama ada sebahagian surah atau lengkap 30 juzu'. Apabila dibandingkan penulisan kitab-kitab tafsir ini dengan kitab-kitab di dalam bidang lain seperti ilmu Feqah, Tauhid dan Tasawwuf kita dapati bidang-bidang tersebut lebih terkenal pada masa dahulu dan banyak buku-buku berkenaan boleh didapati sehingga masa kini.

Penulisan dan penterjemahan kitab-kitab tafsir bermula apabila para ulama' kembali ke tanahair selepas tamat pengajian mereka di Aceh, Patani, Makkah, India dan juga Mesir. Perkembangan penulisan dan penterjemahan lebih pesat dengan perkembangan pengajian pondok iaitu di sekitar abad ke-20. Dalam analisis ini penulis hanya akan memfokuskan kepada kitab *Tafsir al-Rāwī Juzu' 'Amma*, sebagai salah

satu kitab yang dihasilkan oleh ulama' Tanah Melayu dan juga seorang tokoh yang disegani bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

LATAR BELAKANG PENGARANG

Penulis tafsir ini adalah ialah Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi. Beliau hanya dikenali dengan Haji Yusof Rawa atau Pak Yusof.¹ Beliau dilahirkan pada 8 Mei 1922 di Lebuah Aceh, Pulau Pinang. Bapa beliau ialah Abdullah Mohamad Noordin al-Rawa yang berasal dari Rawa, Sumatera dan merupakan seorang peniaga bagi sebuah syarikat penerbitan di Pulau Pinang. Nama ibu beliau pula ialah Asmah binti Haji Salleh.²

Haji Yusof Rawa adalah daripada keturunan Rawa yang merupakan anak kedua daripada lapan orang adik-beradik. Abangnya yang sulung bernama Anuar Haji Abdullah, kemudian Haji Yusof Rawa Haji Abdullah dan seterusnya adik-adik beliau Haji Tahir Haji Abdullah, Hajah Jawahir Haji Abdullah, Hajah Kamariah Haji Abdullah, Haji Abdul Majid Haji Abdullah, Hashim Haji Abdullah dan Haji Shamsuddin Haji Abdullah. Haji Yusof Rawa berasal daripada keluarga yang sederhana dan menetap di Pulau Pinang. Rumah terakhir Haji Yusof Rawa ialah di alamat 363-J, Jalan Sultan Azlan Shah, 11700, Gelugor, Pulau Pinang.³

PERKAHWINAN DAN KELUARGA

Haji Yusof Rawa telah mendirikan rumahtangga setelah pulang ke tanah air dari menuntut ilmu di Mekah dengan seorang wanita pilihan keluarga beliau iaitu Che Kalsom Ali. Umur Haji Yusof Rawa pada ketika itu ialah 25 tahun dan isteri beliau, Che Kalsom Ali berumur 20 tahun.⁴

Hasil perkahwinan tersebut beliau telah dikurniakan 11 orang anak, 5 orang lelaki dan 6 orang perempuan. Beliau juga telah dikurniakan dengan 30 orang cucu dan 2 orang cicit.⁵

¹ Kamaruddin Jaffar (2000), *Memperingati Yusof-Rawa*, Kuala Lumpur: IKDAS Sdn Bhd, hal. 3.

² *Ibid*, hal. 3.

³ Mohd Nazhim b. Muhammad (2001), *Metodologi Haji Yusof Rawa Dalam Tafsir al-Rawi-Juzuk Amma*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 4.

⁴ *Ibid*.

⁵ *Ibid*.

PENDIDIKAN

Pendidikan Haji Yusof Rawa bermula di Sekolah Melayu di Jalan Carnavan, Pulau Pinang sehingga darjah empat dan kemudian berpindah ke Sekolah Charausta di Georgetown, Pulau Pinang.⁶

Di peringkat menengah pula beliau belajar di Convent English School dan kemudian menyambung pelajaran ke sekolah terkemuka Penang Free School sehingga memperolehi kelulusan Junior Cambridge.⁷ Selepas tamat pendidikan di Penang Free School, bapa beliau menghantar beliau ke Mekah dan menuntut dalam bidang agama di Ma'had al-Falah sehingga memperolehi Diploma *Takhaṣṣuṣ al-Dīn*.⁸ Rancangan untuk pulang segera ke tanah air setelah beliau tamat belajar tidak terlaksana kerana Perang Dunia Kedua sedang meletus pada awal tahun 40-an.⁹ Keadaan ini digunakan untuk beliau menambahkan lagi ilmu pengetahuan agama di Tanah Suci. Di antara sahabat-sahabat beliau yang sama-sama menuntut di Mekah ialah Tuan Guru Haji Samad Noh, Tuan Guru Haji Talib, Tuan Guru Haji Daud dan Tuan Guru Haji Salleh.¹⁰

Beliau dikatakan memiliki kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab disebabkan beliau telah menuntut di tempat pengajian yang berlainan bahasa pengantarnya iaitu ketika di Penang Free School dengan bahasa Inggeris dan di Ma'had al-Falah, Mekah dengan bahasa Arab. Ini menjadikan beliau seorang tokoh ulama' yang mampu berkomunikasi dengan masyarakat dan mampu menjelaskan kebaikan Islam kepada mereka yang bukan Islam dengan jelas.

KERJAYA DAN HASIL KARYA

Haji Yusof Rawa telah mula bekerja sejak beliau menuntut di Mekah lagi untuk menampung perbelanjaan beliau di sana. Pada tahun 1946, Haji Yusof Rawa kembali ke Tanah Melayu setelah sekian lama tinggal di Tanah Suci Mekah. Setelah pulang, beliau membantu perniagaan bapanya yang mempunyai sebuah syarikat penerbitan di Pulau Pinang.¹¹

⁶ Kamarudin Jaffar, *Memperingati Yusof Rawa*, hal. 3.

⁷ *Ibid.*

⁸ Sabri Said, "Fikrah (Haji Yusof Rawa Dalam Kenangan)," *Harakah*, 16-31 Mei 2000, hal. 16.

⁹ Kamarudin Jaffar, *op.cit.*, hal. 4.

¹⁰ Mohd Nazhim b. Muhammad Nor, *Metodologi Haji Yusof*, hal. 5.

¹¹ Kamarudin Jaffar, *op.cit.*, hal. 4.

Syarikat penerbitan tersebut dikenali dengan kedai kitab Haji Abdullah b. Muhamad Noordin al-Rawi sempena nama bapa Haji Yusof Rawa.¹² Syarikat ini telah menerbitkan dan menjual buku-buku agama dan sebagainya untuk sekolah agama dan pondok dalam tulisan jawi dan bahasa Arab; di samping turut menerbitkan buku-buku akademik yang diterjemah.

Beliau sendiri telah mengarang beberapa buah kitab dan menterjemah buku-buku untuk kegunaan dan rujukan sekolah-sekolah agama dan pondok. Ini termasuklah Kitab *Tafsir al-Rāwī - Juzu' 'Amma* yang merupakan tafsir ringkas yang digunakan oleh pelajar sekolah agama darjah khas di Persekutuan Tanah Melayu. Di antara buku-buku yang diterjemah ialah subjek Geografi yang diterjemah ke dalam bahasa Arab untuk kegunaan pelajar sekolah pondok.¹³

Di samping itu juga, beliau telah menerbitkan majalah dwi-mingguan yang bernama *al-Islah*. Majalah ini dikatakan mengandungi hasrat dan pemikiran beliau ingin membebaskan negara umat Islam daripada penjajah. Beliau pernah ditahan oleh penjajah British kerana disyaki terbabit dengan gerakan Islah di Mesir, tetapi beliau dibebaskan dengan amaran.

Kerjaya beliau seterusnya ialah melibatkan diri dengan politik bermula sebagai ahli Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sehinggalah menjadi wakil rakyat, menteri, duta Malaysia dan jawatan tertinggi parti iaitu Presiden dan Mursyidul Am, PAS.

PENGLIBATAN DALAM ORGANISASI DAN POLITIK

Penglibatan Haji Yusof Rawa dalam persatuan dengan menjawat beberapa jawatan penting telah menimbulkan minat beliau terhadap politik. Sejak di Mekah lagi beliau telah terlibat dengan persatuan gabungan penuntut Persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia dengan penuntut Indonesia yang mana beliau digelar dengan gelaran *za'im* atau ketua, manakala di Malaysia pula terlibat dengan persatuan ulama'.¹⁴

Pada tahun 1959, Haji Yusof Rawa mula menglibatkan dirinya dalam arena politik Tanah Melayu dengan menyertai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) apabila beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang bagi menggantikan Ahmad Azzam.¹⁵ Beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa PAS Pusat disebabkan kemampuannya dalam menggerakkan organisasi PAS di Pulau Pinang.

¹² Mohd Nazhim b. Mohd Noor, *op.cit.*, hal. 6.

¹³ Subky Latif, "Haji Yusof Rawa Dalam Kenaŕgan," *Harakah*, 16-30 Mei, hal. 5.

¹⁴ Mohd Nazhim b. Muhammad Noor, *op.cit.*, hal. 8.

¹⁵ Sabri Said, "Fikrah," *Harakah*, hal. 16.

Haji Yusof Rawa telah bertanding dan tewas dalam pilihanraya umum pada kali pertama pada tahun 1955 dan kali kedua pada 1959 mewakili Parti Islam SeMalaysia (PAS). Namun begitu, pada tahun 1969, beliau dipilih menyertai pilihanraya umum dan mendapat kejayaan yang cemerlang mengalahkan calon UMNO pada ketika itu iaitu Dr. Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan, Kedah.¹⁶ Ini merupakan kejayaan cemerlang beliau sebagai seorang tokoh politik yang mendapat kepercayaan daripada rakyat. Beliau mengekalkan kerusi tersebut pada pilihanraya umum berikutnya pada tahun 1974 tanpa bertanding ketika PAS berada dalam kerajaan campuran.

Apabila PAS menyertai kerajaan campuran dengan Perikatan pada tahun 1973, Haji Yusof Rawa telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama di bawah kabinet Tun Abdul Razak.¹⁷ Dengan jawatan tersebut menjadikan beliau anak Melayu pertama dari Pulau Pinang berjaya memegang jawatan politik setinggi itu. Pada tahun 1975 pula beliau diberikan kepercayaan untuk menjadi Duta Malaysia ke Iran, Afghanistan dan Turki.¹⁸

Tuan Haji Yusof Rawa mula menduduki jawatan tertinggi parti setelah bertanding jawatan Timbalan Yang Di Pertua Agung dalam Muktamar ke-25 PAS menentang penyandangannya Datuk Abu Bakar Umar dan beliau menang.¹⁹

Kemunculan Haji Yusof Rawa sebagai teraju utama PAS dianggap perintis kepada era kepimpinan ulama'. Konsep kepimpinan ulama' sebenarnya telah bersemadi dalam detik nadi perjuangan PAS sejak ianya ditubuhkan. Tuan Haji Yusof Rawa telah memegang jawatan Yang Di Pertua Agong PAS sehingga 31 Mac 1989 dan meletakkan jawatan pada tarikh yang sama di Muktamar PAS yang ke-35 disebabkan oleh keuzuran.²⁰ Beliau telah menyerahkan tugas tersebut kepada Timbalannya, Dato' Haji Fadzil Mohd Noor.

Namun begitu, beliau masih menjawat jawatan sebagai Mursyidul Am PAS yang mula dipegang pada tahun 1987. Pada tahun 1992 pula beliau telah dipilih sebagai Tokoh Ma'al Hijrah peringkat Negeri Pulau Pinang.²¹

¹⁶ Kamarudin Jaffar, *Memperingati Yusof Rawa*, hal. 4.

¹⁷ Rozaman Ismail, "Yusof Rawa Pemimpin Sederhana," *Utusan Malaysia*, 29 April 2000.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Kamarudin Jaffar, *op.cit.*, hal. 5.

²⁰ Sabri Said, "Fikrah," *Harakah*, hal. 16.

²¹ Rozaman Ismail, "Yusof Rawa Pemimpin Sederhana," *Utusan Malaysia*, 29 April 2000

Haji Yusof Rawa menghembuskan nafasnya yang terakhir pada hari Jumaat, 28 April 2000 di rumah beliau sendiri di Gelugor, Pulau Pinang pada kira-kira pukul 7.00 pagi setelah uzur selama beberapa tahun. Umur beliau pada ketika itu ialah 79 tahun. Jenazah beliau telah disembahyangkan di Masjid Jamek, Sungai Gelugor selepas solat Asar diimamkan oleh Tuan Guru Haji Yahya Joned. Jenazah beliau seterusnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Jalan Perak, Gelugor, Pulau Pinang.²²

ANALISIS KITAB *TAFSĪR AL-RĀWĪ - JUZU' 'AMMA*

Kitab yang dikarang oleh Haji Yusof Rawa dikenali dengan nama *Tafsīr al-Rāwī - Juzu' 'Amma* yang ditulis dalam bahasa Arab di depan muka kulit kitab. Haji Yusof Rawa telah menamakan kitab penulisannya dengan nama al-Rawi, dinisbahkan kepada keturunannya iaitu Rawa, tetapi dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-Rāwī*. Di samping itu juga, beliau sendiri telah menggunakan nama pena dengan Ibn al-Rāwī.

Kitab ini dicetak oleh syarikat percetakan beliau sendiri yang diwarisi daripada bapa beliau iaitu Syarikat Haji Abdullah bin Muhamad Noordin al-Rāwī yang merupakan kedai kitab yang terkenal bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di seluruh tanah air. Syarikat percetakan ini didirikan pada tahun 1910, terletak berhampiran dengan Masjid Melayu, Pulau Pinang di No: 55, Lebuh Acheh, 10200 Pulau Pinang. Kitab tafsir ini mula dicetak pada 23 Zulkaedah 1369 atau tahun 1950 dan diulang cetak beberapa kali kemudiannya.²⁴ Kitab ini diterbitkan di bawah Zi United Press, 29E Jalan Dato' Keramat, Pulau Pinang.

Kitab *Tafsīr al-Rāwī* ini adalah sebuah kitab tafsir yang ringkas yang memuatkan tafsir surah-surah yang terkandung dalam juzu' 'Amma atau juzu' 30. Tafsir ini telah dibahagikan kepada dua bahagian, bahagian satu dan bahagian dua. Ini adalah kerana Haji Yusof Rawa sendiri telah menyiapkan sebahagian surah-surah dalam juzu' 30 dan dijadikan bahagian pertama pada tahun 1950 dan kemudiannya menyiapkan sebahagian surah-surah yang lain dan dijadikan bahagian kedua pada tahun berikutnya, iaitu tahun 1951.²⁵ Di samping itu juga, kemungkinan bagi memudahkan orang atau pelajar membawa atau memilikinya di merata-rata tempat lebih-lebih lagi ke sekolah.

Kitab *Tafsīr al-Rāwī* ini mendapat pengiktirafan daripada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan melalui surat perakuan yang terdapat di dalam kitab

²² Sabri Said, "Fikrah," hal. 16.

²⁴ Lihat bahagian awal kitab *Tafsīr al-Rāwī*.

²⁵ Lihat bahagian akhir kitab *Tafsīr al-Rāwī*.

Tafsir al-Rāwī yang bertarikh pada 2 Mac 1952.²⁶ Menurut surat perakuan tersebut kitab ini telah disemak dan diedarkan kepada Majlis Ulama' serta disahkan bahawa kandungan kitab tafsir ini tidak mengandungi kesalahan dan penafsirannya adalah betul mengikut kehendak ayat-ayat yang ditafsirkan.

Justeru, kitab tafsir terbitan Syarikat Haji Abdullah b. Mohamad Noordin al-Rāwī di bawah Zi United Press ini dijadikan buku bacaan di merata-rata sekolah agama darjah khas di Malaysia atau Persekutuan Tanah Melayu. Di samping juga, ia adalah merupakan kitab yang mudah dan ringkas untuk memahami erti atau makna ayat-ayat daripada surah-surah yang lazim dihafaz dan dibaca di dalam sembahyang.

SEBAB DAN TUJUAN PENULISAN

Bagi Haji Yusof Rawa juga mempunyai sebab dan tujuan yang tertentu yang mendorong beliau menulis kitab *Tafsir al-Rāwī* yang memuatkan surah-surah daripada juzu' 30 atau dikenali dengan *Juzu' 'Amma*.

Sebab-sebab atau tujuan-tujuan penulisan kitab tafsir ringkas, *Tafsir al-Rāwī* ini ialah:

- i. Menerima rungutan daripada sahabat handai tentang tidak kedapatan sebuah kitab yang ditulis dalam bahasa Melayu - Jawi untuk memahami maksud surah-surah al-Qur'an yang selalu dibaca ketika sembahyang yang biasanya terdiri daripada surah-surah dari *Juzu' 'Amma*. Hal ini beliau menyamakan dengan seekor burung tiong yang pandai bercakap atau bertutur tetapi tidak mengetahui maksud apa yang ditutur tersebut. Atas desakan tersebut, Haji Yusof Rawa menulis sebuah kitab tafsir yang ringkas dalam tulisan jawi ini.
- ii. Di samping itu juga, dapat menyumbang kepada memahami isi kandung al-Qur'an bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab terutama kepada orang-orang Melayu yang beragama Islam. Tujuannya supaya mereka ini tidak menjadi orang-orang yang rugi hanya sekadar dapat membaca ayat-ayat suci al-Qur'an dalam sembahyang sahaja tetapi tidak dapat memahami maksud-maksudnya. Dengan ini juga dapat mendatangkan khusyuk dalam sembahyang.
- iii. Selain itu, permintaan daripada rakan-rakan beliau supaya mengarang sebuah tafsir ringkas yang boleh dijadikan rujukan untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an di rumah, surau atau masjid atau di merata-rata tempat. Terdapat juga permintaan daripada guru-guru sekolah agama yang mahukan sebuah

²⁶ Lihat bahagian awal kitab *Tafsir al-Rāwī*.

kitab khas yang boleh memberikan maksud surah-surah dalam *Juzu' 'Amma* yang biasa disuruh kepada murid-murid sekolah membacanya dengan lancar dan menghafaznya.

- iv. Melihat betapa pentingnya sebuah kitab tafsir yang ringkas dan padat serta mudah difahami. Kitab tafsir yang ringkas seperti *Tafsir al-Rāwī* ini dapat dibaca dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat kerana ia disusun mengikut kaedah *Baghdadiyyah* seperti yang disusun di dalam Muqaddam. Semua lapisan masyarakat diharapkan mampu sekurang-kurangnya memahami ayat-ayat suci al-Qur'an daripada surah-surah yang lazim dibaca dalam sembahyang.²⁷

Mengenai masa dan kadar yang diambil oleh Haji Yusof Rawa untuk mengarang kitab tersebut tidak dapat dikenalpasti. Namun begitu, Haji Yusof Rawa berjaya menyiapkan kitab *Tafsir al-Rāwī* ini pada bahagian yang pertama pada hari Khamis malam Jumaat iaitu tanggal 9 Jamadil Awal tahun 1370 H bersamaan 15 Februari 1951 dan disemak serta diperbetulkan lagi untuk cetakan yang kedua pada 9 Ramadhan 1379 H.²⁸ Bahagian keduanya pula pada 9 Zulkaedah 1370 H dan disemak serta dibuat pembetulan untuk cetakan yang kedua pada 16 Rejab 1384 H bersamaan 20 November 1964.²⁹

PEMBAHAGIAN DAN ISI KANDUNGAN KITAB

Haji Yusof Rawa telah membahagikan kitab penulisan beliau kepada dua bahagian. Dalam bahagian pertama, Haji Yusof Rawa telah mentafsirkan beberapa surah dan memberikan sedikit huraian tentang *Bismillah*. Bahagian pertama kitab ini telah menghuraikan surah-surah bermula dari surah *al-Fātiḥah* sehingga surah *al-Duḥā*, yang terkandung dalam 104 halaman bercetak.

Dalam bahagian kedua kitab Tafsir ini, beliau menyambung surah yang seterusnya bermula dari surah *al-Layl* sehingga surah *al-Nabā'*, yang terkandung di dalam 203 halaman yang bermula daripada mukasurat 105 hingga 203. Haji Yusof Rawa telah menggunakan beberapa kitab rujukan dalam menghasilkan karya beliau. Kitab-kitab rujukan Haji Yusof ialah *Tafsir Juz' 'Amma* - Imam Muhammad 'Abduh, *Hāsyiah al-'Allāmah al-Sāwī 'ala Tafsir al-Jalālayn*, *Tafsir al-Marāghī* - juzu' 30, *Tafsir al-Shawkānī* atau *Faḥ al-Qadīr*, *Tafsir al-Jawāhir Li Faylasūf Tantāwī*

²⁷ Lihat pada kata-kata aluan Haji Yusof Rawa pada bahagian awal kitab *Tafsir al-Rāwī*.

²⁸ *Tafsir al-Rāwī*, juzu' pertama, hal. 105.

²⁹ *Tafsir al-Rāwī*, juzu' kedua, hal. 304.

Jawhārī, The Meaning of the Glorious Kur'an by Marmaduke Pickthall, *Khazīnah al-Asrār* dan *Tafsīr Nur al-Ihsān*.

ANALISIS METOD *TAFSĪR AL-RĀWĪ - JUZU' 'AMMA*

Cara atau metod penulisan yang digunakan secara umum oleh Haji Yusof Rawa dalam penyusunan tafsir beliau adalah lebih teratur dan kemas. Pada bahagian atas sekali dinyatakan nama surah yang hendak ditafsir dalam bahasa Arab seperti biasa dalam mana-mana kitab-kitab tafsir. Kemudian beliau menjelaskan pula surah tersebut sama ada ayat *Makkiyyah* atau *Madaniyyah*.

Seterusnya, dinyatakan bilangan ayat yang terkandung di dalam surah yang hendak ditafsir yang juga dalam bahasa Arab. Terdapat juga pada sesetengah surah dinyatakan bila surah tersebut diturunkan.

Beliau seterusnya menyatakan nas surah al-Qur'an yang hendak ditafsir sehingga selesai berserta dengan baris mengikut *Rasm 'Uthmānī*. Haji Yusof Rawa kemudiannya menyatakan erti ayat *Makkiyyah* atau *Madaniyyah* dan bilangan ayat yang ditulis dalam bahasa Arab tadi serta nas surah ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi.

Haji Yusof Rawa kemudiannya akan menyatakan huraian secara menyeluruh atau intisari umum terhadap sesetengah surah yang hendak ditafsir. Beliau seterusnya akan mentafsirkan ayat al-Qur'an berdasarkan ayat ke suatu ayat yang lain mengikut keadaan sesuatu ayat itu, ada yang huraianya panjang dan ada yang pendek. Bagi surah yang panjang didatangkan hanya sebahagian ayat kemudiannya didatangkan huraian secara menyeluruh bagi sebahagian ayat tersebut dan seterusnya beliau mula mentafsir ayat ke ayat sehingga selesai potongan sebahagian ayat tersebut. Begitulah metod beliau bagi potongan ayat yang seterusnya. Pada bahagian yang akhir sekali, dinyatakan tentang faedah-faedah dan hikmah yang terdapat pada surah tersebut.

METOD KHUSUS

Apabila kita memperkatakan tentang metod penulisan secara khusus apa yang kita sedia maklum metod terbaik dalam mentafsir al-Qur'an ialah menggunakan metod *tafsīr ma'thūr*, iaitu mentafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, mentafsir al-Qur'an dengan hadis dan mentafsir al-Qur'an dengan pendapat para sahabat dan pendapat yang disepakati oleh para tabi'in r.'a, tetapi apabila kita melihat kepada metod yang digunakan oleh pengarang dalam menulis tafsiran beliau tersebut, hampir tidak didapati metod-metod tersebut digunakan didalam tafsiran beliau.

Beliau mungkin tidak memasukkan metod tersebut disebabkan beliau ingin mengemukakan kepada para pembaca satu bentuk tafsir yang ringkas yang mampu

difahami oleh semua lapisan masyarakat dan pada waktu yang sama agar masyarakat mampu memahami tafsiran ayat-ayat lazim yang sentiasa dibaca sebagaimana yang telah diterangkan di dalam bahagian tujuan penulisan tafsir tersebut. Di bawah ini penulis akan cuba menganalisis metod-metod khusus yang lain yang digunakan oleh beliau dalam menjelaskan lagi maksud ayat-ayat al-Qur'an.

Apa yang jelas dari metod khusus ini, penulis dapati pengarang hanya menekankan kepada tiga bentuk metod khusus sahaja iaitu pertamanya tentang aspek sejarah dan sebab turun ayat dan yang keduanya menyatakan faedah dari setiap surah yang ditafsirkan dan yang ketiganya ialah pengajaran yang dapat diambil dari ayat.

PENEKANAN TERHADAP ASPEK SEJARAH DAN ASBAB AL-NUZUL

Salah satu cara yang digunakan oleh al-Qur'an untuk memberi pengajaran kepada manusia adalah dengan menghuraikan tentang peristiwa-peristiwa masa lalu atau sejarah dalam bentuk kisah. Kisah-kisah tersebut ada yang disebut secara umum melalui beberapa perkataan atau ayat secara singkat dan kemudiannya dihuraikan secara terperinci. Kadangkala al-Qur'an hendak menyampaikan mesejnya kepada manusia menerusi kisah tertentu yang terdapat dalam sesuatu surah.³⁰

Aspek sejarah ini menjadi penting kerana dengan mengetahuinya boleh mendapat pengajaran daripada kisah tersebut dan secara tidak langsung mengetahui cara terbaik untuk menyampaikan sesuatu pengajaran itu melalui kisah-kisah atau sejarah.³¹ Suatu kisah atau sejarah akan menimbulkan kesan yang mendalam bagi para pembaca dan pendengar. Namun begitu, sejarah tersebut mestilah tidak menyimpang dari maksud asal al-Qur'an dan tidak berlebihan sehingga menjauhkan kita daripada pengertian tafsir yang sebenarnya.³²

Haji Yusof Rawa dalam tafsirnya amat menekankan aspek sejarah ini di samping menekan juga sejarah dalam aspek sebab nuzul sesuatu ayat atau surah yang diperbahaskan. Pengetahuan mengenai sebab turunnya sesuatu ayat atau surah sangat mustahak bagi membantu memahami maksud ayat al-Qur'an dan mengelak dari tersalah di dalam memahami maksud ayat yang sebenar. Bahkan kadangkala ada

³⁰ Drs. Abd. Rahman Dahlan (1997), *Kaidah-kaidah Penafsiran al-Qur'an*, Bandung: Penerbit Mizan, hal. 187.

³¹ *Ibid.*

³² Prof. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy (1972), *Ilmu-ilmu al-Qur'an*, Jakarta: Bulan Bintang, hal. 240.

beberapa ayat yang tidak difahami maksudnya kecuali setelah mengetahui sebab turunnya.³³

Pada surah *al-Nabā'* diceritakan bahawa Nabi Muhammad s. 'a.w diutuskan oleh Allah SWT ketika dunia berada di dalam kegelapan dan kesesatan, kerendahan budi pekerti, kebodohan dan pelbagai lagi keadaan-keadaan merosakan yang menyelubungi alam termasuk tanah arab. Kedatangan Nabi s. 'a.w dengan membawa agama Allah yang terkandung di dalamnya perintah-perintah yang berlawanan dengan suasana pada ketika itu, menyebabkan mereka merasa berat untuk menunaikannya. Lebih-lebih lagi terdapat perkara-perkara yang dianggap menakutkan seperti hari kiamat dan sebagainya yang sukar dipercayai. Kebanyakan orang-orang Quraisy langsung tidak mahu percaya kepada al-Qur'an yang dibawa oleh Nabi s. 'a.w.

Setengah mereka berasa syak dan ragu-ragu dan ada pula yang terus terang mendustakannya. Berita-berita yang diceritakan di dalam al-Qur'an menjadi tajuk perbualan dan bahan ajukan dan olok-olokan mereka. Pada ketika orang Quraisy heboh membincangkan berita tentang hari kiamat yang tidak lain dengan tujuan untuk mencabar kejujuran Nabi s. 'a.w yang membawa berita benar tersebut, Allah SWT menurunkan surah *al-Nabā'* ini. Penurunan surah ini adalah untuk membantah sikap orang-orang kafir tersebut, di samping memberikan bukti ke atas kebenaran al-Qur'an yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s. 'a.w.³⁴

FAEDAH DAN HIKMAH BERAMAL DENGAN SURAH TERTENTU

Di akhir hampir setiap surah perbahasan *Tafsir al-Rāwī* ini dinyatakan beberapa faedah dan hikmah beramal dengan surah tertentu, melainkan hanya terdapat sebahagian kecil surah sahaja yang tidak dinyatakan faedah atau kelebihan sesuatu surah tersebut seperti surah *al-Fajr* dan surah *al-Insyiqāq*. Kitab yang menjadi rujukan utama dalam bahagian ini ialah kitab *Khazīnah al-Asrār* dan kitab *al-Dār Nazīm fi Khawās al-Qur'ān al-Azīm*. Metod ini adalah lebih kurang sama sebagaimana yang dilakukan oleh Zamakhsharī dalam kitab tafsirnya *al-Kasysyāf*.

Kebanyakan hadis tentang kelebihan surah-surah tertentu adalah merupakan hadith-hadith *mawdū'* yang direka yang tidak diketahui sanadnya. Penulis dapati Haji Yusof Rawa menyatakan secara ringkas kelebihan atau faedah beramal dengan surah-surah tertentu yang mana sebahagiannya dinyatakan dari rujukannya dan sebahagian yang lain tidak dinyatakan. Di sini dibawa contoh surah yang dinyatakan oleh Haji

³³ Manna' al-Qattān (1995), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Muassasah al-Risālah, cet. ke-27, hal. 75.

³⁴ Lihat *Tafsir al-Rāwī*, hal. 288.

Yusuf Rawa tentang faedah atau hikmah beramal dengan surah tersebut. Di antaranya surah *al-Ikhlās*, surah *al-Insyirāḥ*, surah *al-Khawthar* dan surah 'Abasa.

Faedah membaca surah *al-Ikhlās* amatlah besar pahalanya dan terdapat beberapa hadith yang berkenaan dengannya. Ada hadith menyentuh tentang keistimewaan surah *al-Ikhlās* yang dianggap oleh Rasulullah sebagai satu pertiga daripada al-Qur'an. Hadith Nabi tersebut merupakan hadith sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Sabda Nabi s. 'a.w:

أَيَعِجْزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ فِي لَيْلَةٍ ثَلَاثَ الْقُرْآنِ ، قَالُوا : وَكَيْفَ يَقْرَأُ ثَلَاثَ الْقُرْآنِ ، قَالَ :
"قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ" تَعْدِلُ ثَلَاثَ الْقُرْآنِ

Maksudnya: "Tidak sanggupkah di kalangan kamu membaca satu pertiga al-Qur'an pada tiap-tiap malam, maka mereka berkata : Bagaimanakah membaca satu pertiga al-Qur'an, sabdanya: Baca olehmu *قل هو الله أحد* serupa dengan satu pertiga daripada al-Qur'an."³⁵

Hadith seterusnya menyatakan bahawa membaca surah *al-Ikhlās* sebanyak sepuluh kali akan dikurniakan ganjaran sebuah rumah atau mahligai di dalam syurga.

Sabda Nabi s. 'a.w:

مَنْ قَرَأَ "قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ" عَشْرَ مَرَّاتٍ بُنِيَ لَهُ بِهَا قَصْرٌ فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya: "Barangsiapa yang membaca *قل هو الله أحد* sepuluh kali, dijadikan padanya Mahligai di dalam syurga."³⁶

Di samping itu juga, mereka yang sentiasa membaca surah *al-Ikhlās* ketika masuk ke dalam rumahnya, maka akan bertambah luas rezekinya dan keadaannya.

Pada surah *al-Insyirāḥ* pula dinyatakan bahawa kelebihan surah ini apabila dibaca kepada mereka yang sakit dada atau sakit di dalam hati, insyaallah akan menjadi lapang dan sembuh. Selain itu, jika diminum air yang dibaca di dalamnya surah ini kepada orang yang demam akan sembuh.³⁷

³⁵ Muḥammad Haqqī al-Nāzili (t.t), *Khazīnah al-Asrār*, Mesir: Dār al-Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, hal. 157. Hadith tersebut sahih diriwayatkan oleh Imam Muslim (lihat pada kitab Imam Nawawi, *Ṣaḥīḥ Muslim*, juzuk 2, hadith ke-777).

³⁶ *Ibid.*, hal. 158. Hadith riwayat al-Dārimī daripada Abu 'Aqīl (perawi abdal) daripada Sa'īd bin Musayyab (lihat *Sunan al-Dārimī*, juzu' ke-2, hal. 459).

³⁷ Lihat *Tafsīr al-Rāwī*, hal. 304.

Pada surah *al-Nabā'* disebutkan bahawa membaca surah ini akan dikurniakan minuman yang sejuk pada hari kiamat kelak. Selain itu juga, surah ini berguna untuk menjadi wirid sebagai memelihara harta benda daripada kecurian dan kejahatan orang.³⁸

Manakala pada surah '*Abasa* dinyatakan sekiranya ditulis surah ini dan digantung pada leher Insya' Allah menjadi penangkis dan memelihara pemakainya dari keganasan orang-orang yang zalim.³⁹

MENJELASKAN TENTANG PENGAJARAN YANG TERDAPAT DALAM AYAT

Al-Qur'an diturunkan oleh Allah SWT sebagai petunjuk dan hidayah bagi seluruh manusia untuk kehidupan dunia dan akhirat. Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: "*Bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan bagi petunjuk itu dan pembeda.*"⁴⁰

Pernyataan al-Qur'an di atas bersifat jelas, tegas dan umum. Sifat umum tersebut menunjukkan bahawa petunjuk al-Qur'an tidak dikaitkan dengan kondisi, keadaan ataupun pada bidang tertentu. Dengan sebab itulah petunjuk al-Qur'an berlaku dalam semua keadaan, waktu, tempat dan dalam semua bidang, baik akidah, akhlak, ekonomi, politik, budaya, mahupun sosial.⁴¹

Haji Yusof Rawa menegaskan di dalam tafsirnya bahawa walaupun kebanyakan ayat-ayat ditujukan kepada Rasulullah s. 'a.w namun ia sebenarnya perlu diambil pengajaran bagi semua umat Islam. Beliau menggalakkan supaya umat Islam memerhati dengan teliti sesuatu tafsir itu supaya dapat difahami dengan baik sehingga dapat meningkatkan keimanan kita kepada Allah dan dapat beramal seperti mana yang disuruh oleh Allah dan meninggalkan segala larangan Allah SWT.

³⁸ *Ibid*, hal. 97.

³⁰ *Ibid*, hal. 264.

⁴⁰ Surah al-Baqarah, ayat 185.

⁴¹ Drs. Abd. Rahman Dahlan, *Kaidah-kaidah Penafsiran al-Qur'an*, hal. 297.

KESIMPULAN

Pelbagai usaha yang gigih telah dilakukan oleh para ulama' untuk mentafsir al-Qur'an supaya umat Islam dapat memahami al-Qur'an dan mengamal isi kandungan al-Qur'an. Ini termasuk usaha yang dilakukan oleh Haji Yusof Rawa yang merupakan seorang tokoh ulama' yang banyak berjasa kepada umat Islam terutama kepada umat Islam di Malaysia. Hal ini dapat dilihat setelah menyelusuri latar belakang beliau yang bukan sahaja seorang penulis kitab ilmiah tetapi seorang tokoh pemimpin dalam sebuah gerakan yang memperjuangkan Islam yang berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Segala jasa dan pengorbanan beliau perlu dikenang dan menjadi contoh kepada generasi kini dan akan datang.

Sesungguhnya usaha murni yang dilakukan oleh beliau yang cuba menutup kekurangan kitab-kitab tafsir dalam bahasa Melayu dan sekaligus membantu masyarakat Islam di Malaysia untuk memahami al-Qur'an serta tafsirannya adalah suatu usaha yang baik walaupun terdapat beberapa kekurangan di dalamnya tetapi ianya mampu diperbaiki dan oleh ulama'-ulama' terkemudian untuk memastikan agar perkembangan kitab-kitab tafsir Melayu ini terus hidup dan menjadikan masyarakat Islam di Malaysia bukan sahaja celik al-Qur'an tetapi pada waktu yang sama juga adalah masyarakat yang tahu tentang tafsiran setiap daripada isi kandungan al-Qur'an tersebut.